



The image features a hand on the left holding a magnifying glass over a blue, reflective globe. The globe has the word 'AMARAN' in blue and 'SCAM' in red. Below the globe is a blue banner with white text. The background is dark with a network of white dots and lines, and various white icons including a cloud with arrows, a shopping cart, a target, an envelope, a lightbulb, and several person silhouettes.

AMARAN SCAM

Anda Lebih Bijak

BIDANG KUASA AGENSI PENGUATKUASA

Agensi Penguatkuasaan



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNKK)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



Bidang Kuasa

- ✓ Pengambilan deposit
- ✓ Urus niaga mata wang asing (FOREX)

- ✓ Tawaran saham/derivatif
- ✓ Unit Amanah
- ✓ Dagangan Aset Digital (Cth: Luno, Tokenize)

- ✓ Skim berkepentingan
- ✓ Pendaftaran Syarikat/ perniagaan
- ✓ Skim Kutu

- ✓ Gores/imbas dan menang
- ✓ e-dagang
- ✓ Skim piramid

- ✓ Siasatan Jenayah penipuan

**JANGAN TERLIBAT
PENGAMBILAN
DEPOSIT
TANPA LESEN**



KESAN DARI SUDUT PERUNDANGAN



Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun** atau **didenda tidak melebihi lima puluh juta ringgit** atau **kedua-duanya**.

Seksyen 137 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013



SEKSYEN 254

Pelabur-pelabur dalam skim pengambilan deposit tanpa lesen **boleh didakwa** kerana **bersubahat** atau **bersekongkol**



JIKA DIDAPATI BERSALAH

Hukuman yang serupa seperti **penganjur** skim cepat kaya juga boleh dikenakan:

- Tidak melebihi 10 tahun penjara
- Tidak melebihi RM50 juta
- Atau kedua-duanya sekali

JANGAN TERLIBAT URUSNIAGA MATAWANG ASING SECARA HARAM

Jangan menyertai mana-mana **skim** atau program yang ditawarkan oleh **individu** atau **syarikat** di dalam atau luar negara yang berkaitan dengan:



Jual beli
mata wang asing



Entiti tidak
dilesenkan oleh BNM



MODUS OPERANDI URUSNIAGA MATAWANG ASING SECARA HARAM

**BELAJAR FOREX TRADING
DALAM 5 JAM SAHAJA!!!**



1

Tawaran latihan percuma
untuk mengumpukan pelabur

2

Akses kepada laman sesawang atau
aplikasi bagi urusniaga matawang
asing secara *online*

3

Pelabur biasanya mendapat pulangan
tinggi pada **mulanya** sebelum mengalami
kehilangan wang yang lebih besar

SENARAI INSTITUSI KEWANGAN YANG DIBENARKAN

Peniaga matawang asing (*authorised dealers*) yang
dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia adalah:



Bank-bank perdagangan/komersial
Licensed commercial bank



Perbankan Islam, dan
Licensed Islamic banks, and




Bank-bank pelaburan
Licensed investment banks

Aktiviti dagangan Forex dengan individu/syarikat tidak
dilesenkan oleh BNM merupakan satu kesalahan di bawah
Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

WASPADA DENGAN PENYALAHGUNAAN NAMA PIHAK BERKUASA

- ✓ Sebuah cubaan menipu untuk **mengelirukan** orang ramai dengan **menyalahgunakan logo** dan/atau **menyamar** sebagai pegawai pihak berkuasa.



Akhbar Sinar Harian pada November 2021 mengongsikan seorang ahli perniagaan wanita yang rugi **RM310,000** akibat terpedaya dengan sindiket penipuan yang menyamar sebagai pegawai BNM.

01

Anda dihubungi oleh pihak menyamar pihak berkuasa

02

Anda dikatakan terlibat dengan kes jenayah

03

Anda diminta memberi maklumat bank dan simpanan untuk tujuan siasatan

04

Anda diberikan pautan laman web BNM (palsu) untuk memasukkan butiran akaun


05

Anda turut diarahkan memberi no TAC yang diterima

06

Wang anda dikeluarkan oleh scammer tanpa disedari

JENIS PENIPUAN KEWANGAN TERKINI





JANGAN PANIK BILA MENERIMA PANGGILAN TELEFON

"MACAU SCAM"

- ✓ Macau scam adalah sindiket yang cuba membuat **panggilan telefon secara rambang** kepada bakal mangsanya.
- ✓ Sindiket ini mendakwa mereka **mewakili** pegawai agensi penguatkuasa.
- ✓ Panggilan tersebut dibuat bagi mendapatkan **pengesahan transaksi** kad kredit atau aktiviti **pengubahan wang haram** yang kononnya milik pengguna.



1.8 billion panggilan 'scam' disekat

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berjaya menyekat panggilan penipuan dari 2017 hingga 2022.

Sumber: Harian Metro

MODUS OPERANDI **MACAU SCAM**



1

TERIMA PANGGILAN

“Kad kredit anda telah digunakan oleh pihak ketiga”

2

MANGSA CEMAS

“Tak, saya tak pernah ada kad kredit! Bukan saya!”

3

PENYAMARAN SEBAGAI PEGAWAI

Pemanggil memperkenalkan diri sebagai pegawai Bank Negara Malaysia untuk meminta atau mengesahkan maklumat

4

MENURUT ARAHAN

Mangsa melakukan pemindahan wang atas arahan pegawai tersebut & tidak memberitahu sesiapa

5

MANGSA PERCAYA

Bagi menyekat penyalahgunaan kad kredit/identiti, mangsa diarahkan memindahkan wang ke akaun kononnya pemegang amanah yang dilantik

6

DUIT LEBUR

Mangsa hanya sedar telah ditipu setelah transaksi selesai

**LANGKAH-LANGKAH
KESELAMATAN**



JANGAN
panik

JANGAN
dedahkan maklumat perbankan anda

JANGAN
pindahkan wang atas arahan sesiapa



JANGAN MUDAH TERPEDAYA PINJAMAN WANG TIDAK WUJUD

- ✓ Sindiket yang menawarkan pinjaman palsu kepada mangsa dengan menyalahgunakan identiti dan kredibiliti institusi pemberi pinjaman atau agensi penguatkuasa.

Salam N [redacted] L
[redacted] Berita BAIK!! Anda pernah
buat loan melalui kami &
dimaklumkan bhw potongan Bank
[redacted] dah blh dioverlap dgn pakej
Bank. Anggaran TUNAI dpt 21642
dan juga blh baikpulih gaji anda.

klik dibawah :-
[http://www.wasap.my/\[redacted\]2](http://www.wasap.my/[redacted]2)

Hi, Chris here,call u before to
offer I [redacted] Ban.k P.LOAN up to
RM250K,our bank this month
got offer .

If interested please reply Yes to
[011-5\[redacted\]6](tel:011-5[redacted]6)




Anggaran kerugian
RM38.5 juta

sebanyak 4,018 kes pinjaman tidak wujud direkodkan
pada tahun 2023.

Sumber: Sinar Harian

MODUS OPERANDI PINJAMAN WANG TAK WUJUD




LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN



JANGAN
Berurusan dengan
pegawai bank yang tidak
sah

JANGAN
Serahkan kad ATM dan maklumat
perbankan

JANGAN
deposit wang ke dalam akaun bank
individu



JANGAN MUDAH JATUH CINTA KENALAN DALAM TALIAN

- ✓ Penipuan yang dilakukan melalui media sosial dengan menggunakan kata manis dan janji palsu untuk memperdayakan serta menjerat mangsa yang baru dikenali.



Anggaran kerugian
RM40.9 juta

Wanita bujang merupakan golongan paling ramai terjerat dengan tipu helah sindiket penipuan 'Love Scam' dan sebanyak 883 kes dilaporkan pada tahun 2023.

Sumber: Sinar Harian

MODUS OPERANDI “LOVE SCAM”



Suspek akan berkenalan dengan mangsa melalui media sosial



Suspek menggunakan identiti palsu dan kata-kata manis untuk membuat mangsa jatuh cinta



Suspek kemudian memperdaya mangsa dengan alasan seperti berikut:

- Beri hadiah
- Wasiat
- Pelaburan perniagaan
- Bayaran bil hospital



Mangsa akan dihubungi oleh pihak ketiga dan menyamar sebagai syarikat kurier/kastam atau peguam



Pihak ketiga akan meminta bayaran dari mangsa bagi mendapatkan bungkusan/harta dijanjikan suspek

Sumber : JSJK, PDRM

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN



JANGAN


Layan individu yang tidak dikenali di media sosial

JANGAN

percaya tawaran “terlalu indah” untuk dipercayai


JANGAN

Mudah percaya untuk membuat pemindahan wang kepada kenalan di media social



JANGAN TEKAN/MUAT TURUN "PHISHING SCAM" melalui SMS/Emel atau Aplikasi Tidak Sah (APK)

- ✓ Terjadi apabila maklumat peribadi anda **dicuri** tanpa disedari melalui medium yang **kelihatan sah**.



Dari 2018 hingga 2022

300 juta SMS dihalang SKMM

Mangsa mendedahkan maklumat peribadi dan memindahkan wang dengan tujuan untuk menyimpan ke dalam akaun 'Bank Negara'.

Sumber: Harian Metro

MODUS OPERANDI PHISHING - APLIKASI TIDAK SAH (APK)



IKLAN



PHISHING



AKSES



TRANSAKSI

- 1 Penjenayah mengiklankan produk atau perkhidmatan pada harga luar biasa melalui media sosial dan menghalakan ke aplikasi mesej (SMS/Whatsapp/Telegram/iMessage/RCS chat) apabila mangsa menekan pautan iklan.
- 2 Mangsa akan diberikan pautan melalui mesej palsu untuk *install* aplikasi (.APK) dalam telefon, yang kononnya untuk tujuan pembayaran.
- 3 Tanpa disedari, mangsa memberikan kebenaran kepada aplikasi APK untuk mengakses peranti dan membawa mangsa ke laman web perbankan yang palsu.
- 4 Penjenayah melakukan transaksi tanpa kebenaran menggunakan maklumat perbankan dan nombor TAC mangsa.



JANGAN PERCAYA PENIPUAN TAWARAN PEKERJAAN DALAM TALIAN

- ✓ Insentif pekerjaan yang **tinggi** tetapi **maklumat peribadi** dan **akaun perbankan** anda digunakan untuk aktiviti yang **tidak sah**.


Helo, saya ketua jabatan sumber manusia syarikat [REDACTED] syarikat kita sedang mengambil pekerja sambilan. Gaji dibayar setiap hari. Anda boleh bekerja dari rumah dan mendapat 280 hingga 600 RM sehari. Kerjanya mudah dan boleh dilakukan pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja. Untuk memohon jawatan ini, sila hubungi kami melalui WS
WhatsApp: wa.me/[REDACTED]
WhatsApp+601[REDACTED]



Penggunaan internet telah meningkat. Keadaan ini memberikan peluang kepada penipu untuk memancing mangsa dengan mengambil kesempatan terhadap suasana yang tidak menentu.

Marina Baharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
Sumber: The Edge

MODUS OPERANDI PENIPUAN PEKERJAAN DALAM TALIAN



LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN



JANGAN

Mudah percaya dengan tawaran yang terlalu menarik

JANGAN

Membuat pembelian melalui pautan yang diberikan oleh pihak ketiga

JANGAN

kongsikan maklumat peribadi/perbankan jika diminta



JANGAN JADI PEMILIK AKAUN KELDAI/TUMPANG

- ✓ Terjadi apabila akaun bank **disalahgunakan oleh orang lain** untuk transaksi kewangan yang **tidak sah/menyalahi undang-undang**.




DIANGGARKAN RM25 JUTA LESAP

Sekurang-kurangnya 32 akaun keldai dan 10 penipuan firma klon dikenal pasti memperdaya mangsa dengan menjanjikan pulangan tinggi melalui pelbagai skim pelaburan

Sumber: Berita Harian

TAKTIK SINDIKET AKAUN KELDAI/TUMPANG



Tawaran Menarik

Sindiket memberi komisyen untuk menggunakan atau meminjam akses akaun bank si mangsa




Akaun Disalahgunakan

Sindiket mendepositkan wang (daripada sumber yang tidak sah di sisi undang-undang) ke dalam akaun bank mangsa



Akaun Keldai

Mangsa diarahkan untuk melakukan pemindahan dana ke akaun keldai/tumpang lain untuk mendapatkan komisyen



Suspek Jenayah

Rekod perbankan mangsa akan dikaitkan ke sumber wang yang tidak sah terbabit apabila siasatan dilaksanakan

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN



JANGAN

Berikan kad ATM atau akaun bank anda untuk digunakan oleh orang lain

JANGAN

mudah percaya dengan tawaran wang upah bagi penggunaan akaun anda

JANGAN

dedahkan maklumat perbankan peribadi/nombor akaun/nombor PIN/kata laluan kepada pihak ketiga

IMPLIKASI TERHADAP PEMILIK **AKAUN KELDAI/TUMPANG**



Hukuman **maksimum 7 tahun penjara** dan denda **RM100,000** atau **kedua-keduanya**.

Akaun bank anda akan **disekat** dan menyebabkan...

Sukar untuk mendapatkan bantuan kewangan kerajaan.
(Contoh: BKM, BKK)

Tidak boleh membuat sebarang transaksi perbankan termasuk penerimaan gaji dan untuk perniagaan.

Tidak boleh membuka akaun untuk kerja.



Dapat panggilan
daripada
”pihak berkuasa”?



MATIKAN PANGGILAN!

Pihak berkuasa **tidak akan membuat panggilan** kepada anda, **meminta butiran perbankan** anda atau **mengarahkan anda untuk memindahkan wang** kepada akaun lain


PANDUAN & RUJUKAN UNTUK MANGSA



**SAYA TELAH MENJADI
MANGSA PENIPUAN KEWANGAN...
APA YANG HARUS SAYA LAKUKAN?**

- 1** Hubungi pihak bank atau National Scam Response Centre di talian 997
- 2** Laporkan kepada pihak polis dan dapatkan **salinan repot polis**
- 3** Rujuk kepada **agensi penguatkuasa** yang berkenaan untuk memajukan laporan polis dan maklumat yang terbabit
- 4** Kongsikan **semua rekod** insiden untuk membantu tindakan penguatkuasaan
(Contoh: dokumen perjanjian, nombor akaun perbankan, rekod koresponden, slip deposit)

HUBUNGI **NSRC** JIKA BERDEPAN PENIPUAN SIBER



SEMAK DAN SELIDIK DAHULU SEBELUM LABUR

Jangan terpengaruh dengan skim pelaburan yang menjanjikan pulangan tidak masuk akal



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Senarai Amaran Pengguna Kewangan: **Financial Consumer Alert** (bnm.gov.my/FCA)
Senarai Peringatan Pelabur: **Investor Alert List** (sc.com.my/investor-alert)



Facebook page Amaran Scam

facebook.com/amaranpenipuan

Imbas Kod QR!



**Lindungi
Diri Anda!
Amalkan 3S!**



**Soal!
Sekat!
Sebar!**

TERIMA KASIH